

**Wanita DAP minta Hadi tidak kerap tukar pendirian dan jaga agenda Pakatan
Malaysian Insider
Sept 8, 2014**

Selepas Pemuda PKR menyelar Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang, hari ini Wanita DAP pula tampil membidas pemimpin itu kerana enggan menyokong Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai menteri besar Selangor.

Ketuanya Chong Eng menyelar tindakan Hadi yang dilihat selalu mengubah keputusan dalam isu menteri besar dan secara tidak langsung menjejaskan hubungan baik antara parti Islam itu dan Pakatan Rakyat (PR).

"Daripada keputusan menyokong Tan Sri Khalid Ibrahim, pendiriannya bertukar kepada menyokong penukarannya sebagai menteri besar dalam mesyuarat pemimpin PR dan mencalonkan Dr Wan Azizah, kepada mencalonkan Mohamed Azmin Ali dan menolak pencalonan Dr Wan Azizah, atas alasan beliau kurang keupayaan sebagai MB.

"Kami berpendapat alasan tersebut tidak munasabah. Hadi harus membangkitkan isu tersebut dalam mesyuarat dengan pemimpin PR lain di mana PKR berpeluang menjelaskan keputusan pencalonan Dr Wan Azizah," katanya.

Menyuarakan kekecewaannya dengan keputusan Hadi, Chong menyeru Hadi menitikberatkan agenda PR dan menyokong Dr Wan Azizah sebagai calon menteri besar Selangor.

"Perangai Hadi yang meragui kebolehan rakannya dalam keadaan terbuka mencerminkan beliau tidak menghormati rakannya. Perangai beliau memecah-belahkan PAS dan PR dalam isu ini," katanya.

Berdasarkan laporan media semalam, semasa sesi soal jawab dalam dialog dan penerangan isu semasa di Rusila, Marang, Terengganu, Hadi dilaporkan berkata PAS tidak menamakan Dr Wan Azizah sebagai menteri besar Selangor yang baru kerana anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang itu tidak berkebolehan.

Hadi berkata, Dr Wan Azizah ditolak sebagai calon menteri besar bukan disebabkan beliau seorang wanita, tetapi syarat melantik pemimpin mestilah seorang yang mempunyai kebolehan dan kelayakan menjadi pemimpin.

Chong berkata, tidak munasabah Hadi mengatakan Dr Wan Azizah tidak layak kerana wanita itu sudah membuktikan kemampuannya memimpin kempen reformasi lebih 10 tahun ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani hukuman penjara.

"Dr Wan Azizah merupakan seorang pakar mata. Beliau seorang pakar dari pusat pengajian perubatan yang unggul dan memimpin kempen reformasi lebih 10 tahun.

"Mungkin beliau tidak fasih strategi dan arena kuasa. Tetapi beliau mempunyai komitmen. Beliau berani menentang apabila mengalami kesukaran. Beliau juga mempunyai integriti dan tanpa rekod rasuah. Beliau mempunyai kualiti ketabahan dan kesabaran. Kualiti tersebut merupakan pilihan alternatif buat masa sekarang," katanya.

Katanya, kualiti dan gaya kepimpinan wanita seperti dimiliki Dr Wan Azizah sebenarnya masih tidak mendapat pengiktirafan dalam arena politik dan ia juga antara faktor mengapa kepimpinan wanita sering diabaikan.

"Dalam proses mendidik anak, kita sering menggalakkan kanak-kanak lelaki supaya gagah dan kanak-kanak perempuan berlemah-lembut. Sikap lemah-lembut tidak semestinya tanpa sebarang kekuatan minda. Ia tidak mencerminkan kelemahan dan ketidakupayaan memimpin," katanya.

Chong berkata, apabila Hadi meragui keupayaan Dr Wan Azizah, ia samalah dengan Hadi meragui keputusan pemimpin PR dan 30 Adun yang menyokong pencalonannya. – 8 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/wanita-dap-minta-hadi-tidak-kerap-tukar-pendirian-dan-jaga-agenda-pakatan>